

BAB 5: HASIL DAN ANALISIS KAJIAN

5.1 Analisis Kandungan Bahan Portal Karyanet.

DBP telah mengambil keputusan untuk menerbitkan beberapa bahan yang dianggap penting dan sekaligus amat diperlukan oleh kumpulan-kumpulan sasaran. Bahan-bahan terbitan adalah terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu buku-buku Pengajian Tinggi, Ensiklopedia, Kamus Pemelajaran On-line, Laman Sastera, Laman Bahasa, dan Laman Sains Sosial.

Justeru, masyarakat Malaysia khususnya dan masyarakat dunia umumnya akan mampu mendapatkan bahan-bahan yang diterbitkan oleh DBP tanpa adanya masalah yang melibatkan kedudukan geografi. Kesemuanya kini adalah melalui hujung jari sahaja. Situasi ini adalah bertepatan dengan konsep *Cyberspace* yang diperkenalkan William Gibson (1984/1994) menerusi novelnya iaitu *Neuromancer* yang menyatakan bahawa segala maklumat dapat diperolehi melalui hujung jari sahaja tanpa adanya kawalan-kawalan dari pihak-pihak tertentu.

5.1.1 Buku-Buku Pengajian Tinggi.

Tumpuan utama portal Karyanet adalah untuk menerbitkan buku-buku ilmiah pengajian tinggi sama ada untuk institusi pengajian tinggi awam mahupun swasta tak kira di peringkat sijil, diploma, ijazah, sarjana mahupun doktor falsafah. Buku-buku informatif pula terdiri

daripada buku-buku rujukan, buku kreatif dan buku kanak-kanak. Pemilihan kepada peringkat-peringkat bacaan ini adalah memandangkan peringkat-peringkat ini yang dianggap memerlukan banyak bahan-bahan bacaan dan rujukan. Dari segi harga pula penerbitan portal Karyanet boleh dianggap sebagai satu langkah yang bijak memandangkan ia mampu untuk dibeli atau dimiliki oleh semua orang dari latarbelakang ekonomi yang berbeza.

5.1.2 Majalah Versi Internet

Meskipun telah menerbitkan majalah dalam bentuk bercetak tetapi dalam portal Karyanet tidak ketinggalan dimasukkan juga majalah berkenaan dalam bentuk digital. Meskipun dalam versi digital tetapi bahan yang dimasukkan berbeza dengan yang terdapat dalam bentuk bercetak. Sebagai contohnya majalah Dewan Budaya mempunyai kandungan yang berbeza di antara majalah bercetak dan digital. Kalau dilihat dari segi perbezaan, majalah digital lebih mengutamakan bahan-bahan dalam bentuk tulisan berbanding dengan gambar-gambar dan maklumat-maklumat yang disampaikan juga adalah lebih ringkas dan padat.

Terdapat ruangan-ruangan baru yang diperkenalkan dalam majalah *on-line* seperti ruangan Sanggar Mustika, dan Ruangan Imbas Kembali. Melalui majalah *on-line* juga pembaca boleh mendapatkan artikel-

artikel yang pernah diterbitkan sebelum ini dalam bank artikel. Pengguna yang telah mendaftar dapat mendapatkan isu-isu lepas yang dianggap penting untuk kajian dan maklumat pada masa kini dan akan datang.

5.1.3. Laman Sains Sosial, Laman Sains, Laman Bahasa, dan Laman Sastera

Untuk memantapkan lagi penerbitan portal Karyanet, pihak DBP juga telah menerbitkan beberapa laman lain seperti Laman Sains, Laman Sains Sosial, Laman Sastera dan Laman Bahasa. Semua aktiviti dan kandungan dalam setiap laman adalah berdasarkan bidang-bidang yang telah ditetapkan. Sebagai contohnya dalam setiap laman berkenaan terdapat ruangan untuk kanak-kanak, seperti ruangan mari melukis, mari mengeja dan sebagainya. Untuk golongan remaja pula, diwujudkan ruangan teka silangkata, ruangan melukis komik, dan info untuk remaja. Aktiviti-aktiviti seperti menjawab soalan kuiz minda juga diwujudkan untuk golongan belia dan dewasa. Apa yang jelas bahawa misi dan visi portal Karyanet adalah menuju ke arah “*One Stop Center*” ^

5.2 Kekuatan Portal Karyanet

5.2.1 Buku-buku Dijual Dengan Harga Yang Lebih Murah

Penjualan buku-buku melalui penerbitan elektronik akan mempamerkan perbandingan harga buku yang jauh lebih murah berbanding dengan buku-buku yang dibeli secara bercetak. Perbezaan yang ketara terhadap harga tersebut adalah kerana penerbit yang menerbit buku-buku bercetak terpaksa menanggung beberapa jenis kos termasuk kos kertas, kos percetakan, kos rekabentuk dan termasuk kos pengedaran. Melalui penerbitan Karyanet penerbit akan dapat menghapuskan kos-kos tersebut dan sekaligus menurunkan harga seunit buku-buku yang akan diterbitkan.

Justeru, penerbitan elektronik akan menambah kuasa beli golongan masyarakat terhadap buku-buku yang diperlukan. Sebagai contohnya buku "Ketrampilan Menulis" yang ditulis oleh Profesor Madya Dr Mohd Sidin hanya berharga Rm 7.50 senaskah berbanding dengan harga Rm 15.00 yang dibeli dalam bentuk bercetak. Oleh yang demikian ia tidak akan membebankan para pelajar.

5.2.2 Bahan-bahan Yang Diterbitkan Dalam Bahasa Melayu Sepenuhnya

Hampir 90% daripada bahan-bahan yang diterbitkan dalam portal Karyanet adalah dalam bahasa Melayu. Peranan ini adalah sejajar dengan usaha DBP dalam memartabatkan bahasa Melayu. Usaha ini juga dianggap mampu memenuhi keperluan golongan para pelajar

mahupun belia yang memerlukan bahan dalam bahasa Melayu sepenuhnya.

5.2.3 Sebaran Yang lebih Luas

Berbanding dengan penerbitan bercetak, penerbitan melalui portal Karyanet adalah dianggap lebih luas dan menyeluruh. Dari segi impaknya bahan-bahan yang disiarkan akan dapat dipasarkan dalam pasaran yang lebih meluas. Justeru, ia akan memberikan keuntungan yang lebih kepada penulis. Secara tidak langsung akan lebih menggalakkan lebih ramai penulis berlumba-lumba menghasilkan bahan-bahan penulisan yang lebih bermutu dan mampu bersaing dalam pasaran antarabangsa.


5.2.4 Terdapat Bahan-bahan Percuma

DBP tidak ketinggalan dalam memberikan bahan-bahan yang percuma kepada individu-individu yang melayari portal Karyanet. Bahan-bahan yang diberikan percuma termasuklah bahan-bahan seperti *clip art*, *Kamus Dewan*, *Kamus Inggeris-Melayu Dewan*, *Kamus Komputer*, *Kamus Dwibahasa*, *Kamus Pelajar*, *Kamus Arab-Melayu*, koleksi *pantun-pantun Melayu*, *e-kad*, *kalender*, *waktu solat*, dan bermacam-macam lagi. Usaha yang dilakukan oleh Dewan Bahasa ini juga dianggap sebagai satu daya penarik portal tersebut untuk dilawati dari semasa ke semasa.

5.3 Cabaran-Cabaran Dalam Penerbitan Portal Karyanet

Meskipun penerbitan elektronik dianggap sebagai medium komunikasi yang terbaik setakat ini tetapi ia tidak dapat menolak cabaran-cabaran ataupun persaingan-persaingan yang dihadapi. Oleh yang demikian penerbitan portal Karyanet tidak terlepas dari menghadapi beberapa cabaran yang dihadapi.

Rajah 5.1: Cabaran-cabaran Yang Dihadapi Oleh Portal Karyanet



5.3.1 Karyawan Merasa Kurang Yakin

Sebahagian besar para karyawan di Malaysia masih belum begitu yakin sepenuhnya terhadap penerbitan elektronik. Kebanyakkan para

penulis lebih suka menerbitkan manuskrip-manuskrip yang ditulis ke dalam bentuk bercetak berbanding dengan kaedah digital. Keadaan ini adalah disebabkan penerbitan secara maya hanya dapat dilihat hasilnya melalui komputer dan bukannya seperti buku yang dapat dipamerkan atau di bawa kemana-mana. Justeru bahan-bahan tersebut sukar untuk ditunjukkan atau dipamerkan sekiranya tiada komputer.

Dari segi keuntungan pula, penerbitan buku secara digital juga kurang memberikan pulangan yang tinggi memandangkan harga buku-buku yang dijual menerusi elektronik biasanya akan menawarkan harga yang jauh lebih murah berbanding dengan buku yang dijual secara bercetak. Justeru secara tidak langsung keuntungan yang dinikmati oleh penulis juga mengalami pengurangan yang hampir separuh.

5.3.2 Kekurangan Prasarana

Kekurangan kemudahan-kemudahan alat-alat komunikasi seperti komputer dan internet turut menyumbang kepada berlakunya persaingan dalam penerbitan elektronik. Sebahagian besar penduduk Malaysia termasuk para pelajar tidak mampu memiliki sebuah komputer di rumah. Meskipun memiliki komputer namun rata-rata juga pemilik komputer yang tidak melanggar kemudahan internet. Disamping itu juga, di Malaysia masih wujudnya permasalahan tersebut menyebabkan penerimaan bahan-bahan penerbitan melalui

elektronik masih belum dapat disebarluaskan dengan cara yang lebih meluas kepada seluruh penduduk di Malaysia termasuk para pelajar yang masih ramai lagi belum celik komputer.

5.3.3 Penerbitan Bercetak

Sebahagian besar dari rakyat Malaysia masih menumpukan perhatian kepada penerbitan bercetak. Pemilihan bahan-bahan bercetak ini adalah disebabkan penggunaannya yang telah dipraktikkan sejak turun-temurun lagi. Segelintir masyarakat sudah pastinya akan menjadi lebih selesa membaca bahan-bahan bacaan seperti majalah, suratkhabar, novel ataupun komik-komik dalam bentuk bercetak berbanding dengan *on-line*. Situasi ini disebabkan bahan-bahan bercetak tidak mudah dibawa kemana-mana tak kira tempat berkenaan mempunyai bekalan elektrik dan sebagainya.

5.3.4 Penerbitan Elektronik Dari Negara-Negara Luar

Bidang penerbitan elektronik sememangnya telah bermula dari negara-negara barat. Justeru, mutu penerbitan dan kandungan-kandungan yang terdapat di dalamnya sudah tentu lebih bermutu dan bersifat *world wide*, justeru persaingan dari segi kandungan semestinya akan wujud di antara portal tempatan dengan portal yang dikeluarkan oleh negara-negara barat.

5.4 Strategi Promosi Dan Pasaran Portal Karyanet

Pengeluaran produk yang berpotensi untuk dimanfaatkan oleh pengguna dan diletakkan di kawasan yang berdekatan dengan pengguna sasaran tidak akan membawa apa-apa makna sekiranya tidak diberitahu kewujudan sesuatu barang tersebut. Justeru aspek pemasaran dan promosi tidak dapat dipisahkan sekiranya sesuatu keluaran yang ingin kita buat adalah untuk mendapat sambutan dan sokongan daripada pengguna.

Dalam penerbitan portal Karyanet, satu strategi pemasaran yang merangkumi aspek promosi telah dibuat untuk tujuan menyebarluaskan maklumat awal kepada masyarakat di Malaysia. Usaha-usaha yang telah dilaksanakan adalah:

5.4.1. Mengadakan Pertemuan Dengan Pensyarah-Pensyarah Dan Karyawan-Karyawan.

Salah satu kandungan utama dalam portal Karyanet adalah buku-buku di peringkat pengajian tinggi. Untuk tujuan pengisian bahan-bahan tersebut para pegawai dari DBP telah datang ke semua universiti di Malaysia untuk tujuan menjemput para pensyarah menyumbangkan hasil penulisan untuk dimuatkan dalam portal Karyanet.

Justeru, sebelum menjemput para pensyarah untuk menulis, maka satu penerangan yang dibuat secara jelas telah dilakukan kepada semua

pensyarah di universiti berkenaan tentang hal-hal yang berkaitan dengan portal Karyanet. Dalam pada itu usaha ini secara tidak langsung usaha ini seolah-olah telah cuba membuat promosi pada peringkat awal terhadap portal berkenaan. Ketika membuat lawatan, risalah-risalah yang lengkap turut diedarkan kepada para pelajar untuk tujuan pengenalan kepada mereka akan adanya satu portal yang boleh dimanfaatkan oleh mereka.

5.4.2 Rangkaian Promosi

Seterusnya rangkaian promosi turut dibuat melalui pra pelancaran yang dibuat Pada 25 Oktober 2002, DBP dan IGD telah membuat pra pelancaran terhadap portal berkenaan. Pra pelancaran yang bertempat di Hotel Golden Hours Selangor telah dihadiri oleh 100 orang karyawan untuk mendekatkan mereka dengan portal Karyanet. Kesemua kemusyikan berhubung dengan portal Karyanet akan dikemukakan oleh para karyawan ketika menghadiri program pelancaran berkenaan.

5.4.3 Mengadakan Sidang Akhbar

Pihak media juga turut membuat liputan terhadap perkembangan terkini mengenai perkembangan terkini portal Karyanet. Setakat ini berita mengenai portal Karyanet telah beberapa kali mendapat liputan akhbar tempatan.(Lampiran 1)

5.4.4 Mengadakan Pertandingan Cereka Sains Dan Puisi Sains Melalui Portal Karyanet.

Pada 15 Januari 2003, pelancaran pertandingan cereka dan puisi sains telah dilakukan di DBP. Salah satu objektif pertandingan tersebut dibuat adalah untuk memperkenalkan portal Karyanet kepada golongan pelajar dan dewasa. Pertandingan tersebut terbahagi kepada dua pertandingan cereka sains dan puisi sains yang terbahagi kepada dua kategori iaitu kategori dewasa dan remaja.

Borang penyertaan boleh diperolehi dengan melayari www.karyanet.com.my dan proses penghantaran juga turut dilakukan secara *on-line* pada laman web berkenaan. Keputusan pertandingan juga turut disiarkan dalam laman berkenaan dan puisi-puisi dan cereka-cereka yang telah menang akan dimasukkan ke dalam portal berkenaan. Usaha ini secara tidak langsung akan menjemput orang ramai melayari laman karyanet. (Lampiran 2)

BAB 6: RUMUSAN DAN KESIMPULAN

6.1 Rumusan

Internet adalah jaringan komputer ke seluruh dunia yang menghubungkan individu dan organisasi di seluruh dunia. Penerbitan portal Karyanet menerusi internet bermakna segala kandungan yang terdapat pada portal Karyanet bukan sahaja disebarluaskan di Malaysia malahan keseluruh dunia. Justeru portal Karyanet dalam internet seolah-olah trend dalam penerbitan buku-buku khususnya melalui pasaran yang lebih meluas. Disamping itu juga, dengan adanya kaedah yang bersifat *World Wide* akan mewujudkan integrasi informasi antara negara mahupun kepada individu-individu secara khususnya.

Portal Karyanet juga dianggap akan berupaya menjadi satu mekanisme penting dalam usaha memasarkan buku-buku para penulis tempatan ke pasaran dunia. Portal Karyanet juga berupaya menghantar maklumat dengan cepat dalam kos yang amat rendah tetapi mempunyai liputan yang cukup luas. Kejayaan penggunaan internet dalam memasarkan buku telah dibuktikan oleh beberapa syarikat-syarikat seperti Dell Computer dan Cisco Systems.

Usahasama yang dilaksanakan oleh DBP dan IGD sememangnya mengikut konsep yang sebenarnya. Kedua-dua bahagian berkenaan telah melaksanakan tugas dan peranan yang cukup berbeza. Kalau kita membuat penelitian, apa yang dilaksanakan oleh IGD adalah mereka hanya melaksanakan projek portal

Karyanet dari segi membangunkan sistem dan teknikal manakala di pihak DBP, mereka hanya membuat perolehan judul. Maknanya di pihak DBP mereka hanya tidak menyentuh langsung soal-soal teknikal dan kaedah yang akan digunakan oleh pihak IGD. Apa yang mereka tahu adalah segala perolehan judul yang mereka buat akan dimasukkan ke dalam portal untuk diterbitkan.

Apa yang kita dapat lihat dari aspek ini adalah kerjasama yanag dibuat oleh kedua-dua pihak iaitu di pihak IGD dan DBP tidak menyumbang kepada pertukaran kemahiran di antara kedua-dua belah pihak dalam kemahiran yanag dimiliki. Sekiranya di pihak IGD yang memiliki kemahiran dalam pembinaan sistem pada portal, juga memiliki kemahiran dalam membuat perolehan judul maka ia sedikit sebanyak akan membantu pihak DBP dalam meningkatkan jumlah judul pada sesuatu tahun. Perkara ini amat penting kerana jumlah judul pada sesebuah penerbitan secara *on-line* adalah amat penting dan dianggap sebagai tulang belakang kepada sambutan dari khalayak. Sekiranya sesebuah portal itu kurang adanya buku-buku baru maka, orang ramai akan kurang berminat untuk melawati laman penerbitan berkenaan pada masa akan datang. Salah satu masalah yang dihadapi oleh pihak DBP adalah kurangnya jumlah judul dalam sesuatu tahun. Justeru dalam hal ini, pihak IGD seharusnya juga sama-sama berusaha meningkatkan jumlah perolehan judul setiap tahun.

Di Pihak DBP pula kemahiran dalam bidang-bidang teknikal yang digunakan untuk membangunkan web adalah juga amat penting. Keadaan ini adalah untuk mempercepatkan lagi proses sesuatu penerbitan dan memahami konsep penerbitan sekaligus melicinkan lagi perjalanan untuk menerbitkan apa jua bahan penerbitan secara *on-line*.

Selanjutnya hasil daripada kajian yang dibuat juga mendapati bahawa bahan-bahan yang diterbitakan adalah memfokuskan kepada golongan-golongan yanag berada di peringkat pengajian tinggi sahaja manakala untuk di peringkat yang lain pula adalah terlalu kurang. Perkara ini berlaku disebabkan di peringkat perolehan judul, para petugas di DBP yang ditugaskan untuk membuat perolehan judul lebih senang berurusan dengan para pensyarah di universiti-universiti berbanding dengan karyawan-karyawan lain yang masih kabur akan masa depan penerbitan secara *on-line*. Oleh yang demikian untuk fasa pertama penerbitan portal Karyanet adalah menumpukan kepada para pelajar di peringkat pengajian tinggi sahaja berbanding dengan peringkat umum mahupun peringkat kanak-kanak. Bahan-bahan untuk pelbagai peringkat umur yang lain adalah masih dalam tahap pembinaan.

Walaubagaimanapun, sebelum dilancarkan secara besar-besaran, portal Karyanet perlu terlebih dahulu memperbaiki segala kelemahan yang wujud terutamanya dari segi tahap capaian terkini portal berkenaan apabila dilayari oleh pengguna. Sehingga kajian ini dilakukan, kandungan yang terdapat pada

laman berkenaan belum lagi siap sepenuhnya. Hampir 80% bahan pula adalah terdiri daripada bahan-bahan yang hanya ditukar kepada Portable Document Folder (PDF) dan bukan dalam bentuk digital sepenuhnya.

Penjualan buku-buku yang dibuat adalah masih cara yang lama cuma urusan pembayaran dan pemilihan buku yang dibuat secara *on-line*. Ini bermakna pembeli cuma dapat membuat pemilihan buku-buku dan jika berminat pelanggan hanya perlu membayar menerusi kaedah yang telah ditetapkan.

Apabila urusan jual beli sudah selesai, maka pihak DBP akan mengirim kepada pembeli menggunakan kaedah pos. Dalam aspek ini fungsi dan peranan portal berkenaan belum lagi menerusi kaedah digital sepenuhnya kerana buku yang di hantar adalah yang bercetak bukannya *on-line*.

Seterusnya dalam aspek bahasa Melayu pula, memang tidak dapat dinafikan bahawa peranan dan tanggung jawab DBP ditubuhkan untuk memartabatkan bahasa Melayu tetapi ini tidak bermakna kita tidak mengambil tahu langsung tentang bahasa-bahasa asing terutamanya bahasa Inggeris. Dalam memasarkan produk-produk kita ke luar negara, peranan bahasa dianggap juga penting dalam menentukan berjaya ataupun tidak ia dijual.

Dalam hal ini, untuk menjamin portal Karyanet mampu memasuki pasaran dunia maka penggunaan bahasa Inggeris tidak harus dipandang ringan. Seperti

yang kita lihat pada portal berkenaan, hampir 90% daripada bahasa yang digunakan adalah bahasa Melayu dan sekiranya ia masuk ke pasaran eropah sudah tentu bahasa yang digunakan akan tidak difahami. Justeru usaha yang kita lakukan hanya sia-sia sahaja.

Selanjutnya, kelemahan yang perlu diambil kira merujuk kepada portal berkenaan adalah dari segi persempahan dan jenis-jenis kandungan yang dimuatkan. Jika kita membuat penelitian, kandungan-kandungan yang terdapat pada portal tidak jauh bezanya dengan yang diterbitkan oleh penerbit luar negara contohnya Amazon. Com. Dalam hal tindakan yang kita lakukan tidak lain hanya membuat suatu ulangan yang tiada satu ruangan ataupun bahan-bahan yang benar-benar berbeza dan menarik. Justeru satu usaha untuk membuat penyelidikan yang memfokus kepada kandungan portal Karyanet hendaklah dilaksanakan dalam memastikan sesuatu yang dikeluarkan benar-benar bermutu dan terdapat pembaharuan.

6.2 Kesimpulan

Usaha murni yang cuba diusahakan oleh DBP dan IGD Ini adalah sebagai satu petanda baik untuk negara kita khususnya dalam tindakan menyampaikan ilmu kepada penduduk di Malaysia. Jika sebelum ini Dewan Bahasa dan Pustaka hanya mampu mengeluarkan buku dan bahan bercetak di pasaran tempatan sahaja tetapi kini ia turut melangkah ke depan dan cuba tampil dengan penerbitan yang berkonsepkan elektronik. Pada peringkat organisasi,

laman web hendaklah dibangunkan secara profesional kerana hal ini merupakan imej pertama untuk orang ramai menilai organisasi DBP.

Portal yang dibina mengambil kira bekalan dan perkhidmatan yang bakal diberikan telah mantap dan siap untuk dikendalikan serta khidmat sokongan telah sedia. Sebagai contohnya, sesebuah agensi perkhidmatan mempamerkan portal yang serba indah dengan perkhidmatan yang boleh diberikan. Akan tetapi apabila orang ramai meminta perkhidmatan yang terpapar mereka tidak mampu untuk memenuhi kerana kemudahan yang ada tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan. Hal ini sudah tentu akan menjasakan imej serta kredibiliti institut berkenaan.

Kelebihan-kelebihan dalam penerbitan secara *on-line* juga memberi satu kekuatan kepada portal Karyonet untuk diterima oleh masyarakat. Dari segi harga, bahan-bahan yang diterbitakan secara *on-line* adalah lebih murah berbanding dengan penerbitan bercetak. Perbezaan harga yang kita lihat dalam portal Karyonet adalah hampir 50% lebih murah berbanding dengan buku yang dijual secara bercetak. Keadaan ini akan menyebabkan semua masyarakat akan mampu memiliki bahan bacaan yang ingin mereka miliki. Dalam aspek penyebaran pula, bentuk penerbitan adalah bertaraf dunia. Ini bermakna bahan yang diterbitkan dalam portal Karyonet bukan sahaja dijual di Malaysia malah ke seluruh dunia. Justeru dari segi keuntungan, penerbitan yang dibuat secara *on-line* ini dianggap lebih mendatangkan keuntungan.

Apa yang penting adalah portal yang julung-julung kalinya diterbitkan ini sememangnya menuntut sokongan dan kerjasama dari golongan ilmuan dalam menyumbangkan karya-karya yang bermutu di samping para pelajar, para pekerja ataupun orang perseorangan yang dianggap boleh memberi sokongan yang positif terhadap kandungan di dalamnya.

Sebagai sebuah portal yang baru beroperasi, memang kita tidak dapat nafikan bahawa banyak cabaran yang wujud sama ada yang datangnya dari luar mahupun dari dalam. Kalau disentuh cabaran yang datangnya dari luar, portal Karyanet semestinya akan bersaing dengan portal-portal dari dalam dan luar negara. Persaingan yang wujud kita tidak boleh lihat dari sudut negatif tetapi juga hendaklah melihat dari segi positif dalam usaha meningkatkan mutu agar sama tinggi dengan dengan portal yang diterbitkan dari penerbit barat.

Dalam usaha untuk menyakinkan karyawan dan masyarakat, usaha untuk membuat promosi hendaklah diteruskan dan ditingkatkan lagi agar ia mudah untuk diterima oleh semua golongan yang berada di peringkat semua umur. Walau bagaimanapun peluang harus diberikan portal Karyanet agar ia mampu berdiri terlebih dahulu sebelum membuat penilaian yang terperinci terhadapnya.